

Malaysia-Jerman bawa mesej kemakmuran politik, ekonomi



AZIZZUDIN SANI

RAMAI yang tidak menyedari lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jerman pada 10 hingga 15 Mac 2024 lalu telah diperkatakan di seluruh dunia. Tumpuan dunia diberikan kepada ucapan Anwar yang mempertahankan Palestin dan mengkritik hipokrisi Barat mengenai peperangan yang berlaku di Gaza terutamanya pembunuhan kaum beramai-ramai warga Palestin oleh tentera rejim Israel.

Ini satu keberanian yang jarang berlaku dan dilakukan oleh pemimpin utama negara yang seterusnya menjadi jurucakap kepada Dunia Islam dan masyarakat tertindas.

Matlamat lawatan Perdana Menteri adalah bagi mengeratkan persahabatan akrab antara Malaysia dan Jerman.

Antara program lawatan rasmi tersebut ialah pertemuan dua hala bersama Canselor Olaf Scholz dan kunjungan hormat ke atas Presiden Frank-Walter Steinmeier pada 11 Mac 2024, selain pertemuan dengan Naib Canselor Dr. Robert Habeck pada 13 Mac 2024.

Tumpuan juga diberikan kepada mesyuarat meja bulat perniagaan dengan kapten-kapten industri dan sesi pertemuan bersemuka dengan syarikat-syarikat terkemuka tempatan dan Eropah pada 12 dan 15 Mac 2024.

Pertemuan ini dihadiri oleh 38 Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan juga Eksekutif kanan yang mewakili 23 syarikat terkemuka di Jerman. Pertemuan ini penting bagi menjamin pelaburan asing daripada Jerman terus berkembang dan masuk ke Malaysia sebagai hab perdagangan global di rantau Asia Tenggara.

Malaysia adalah rakan dagangan terbesar Jerman di Asia Tenggara. Pada 2023, nilai dagangan Malaysia dengan Jerman berjumlah RM63.5 billion, dengan peningkatan 1.8% nilai eksport kepada RM30.56 billion daripada RM30.03 billion pada tahun 2022.

Nilai pelaburan bagi 2023 adalah sebanyak 486



LAWATAN rasmi sulung Perdana Menteri ke Jerman telah mencapai objektifnya dari aspek mengukuhkan persahabatan yang sedia erat antara kedua-dua negara. - GAMBAR ANWAR IBRAHIM

projek dengan penyertaan Jerman bernilai RM45.69 billion (USD12.08 billion) telah dilaksanakan, dengan mewujudkan sejumlah 49,591 peluang pekerjaan. Terdapat 700 syarikat Jerman yang sedang beroperasi di Malaysia. Nilai dagangan di Selat Melaka yang berjumlah AS\$3.5 trillion dolar dan laluan lebih 80,000 kapal dagangan menarik minat Jerman untuk berada di Malaysia selain daripada kestabilan politik ekonomi yang wujud di Malaysia.

Berbalik kepada pertemuan dua hala Anwar dan Canselor Scholz dan kepimpinan Jerman, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala, kerjasama ekonomi, isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Namun berkenaan situasi di Gaza, meskipun pendirian adalah berbeza, kedua-dua pihak bersependapat mengenai pelaksanaan gencatan senjata secara kekal, keperluan mendesak bagi bantuan kemanusiaan berterusan kepada rakyat Palestin dan penyelesaian dua negara (two-state solution).

Perbincangan juga ada menyentuh hubungan Jerman dan Malaysia dengan China. Pihak Barat melihat China sebagai pencabar kepada kekuatan ekonomi Barat. Melihat kepada isu

kebergantungan terhadap China, Jerman cuba meredakan pergantungan tersebut dengan mengukuhkan hubungan luarnya dengan negara lain termasuk Malaysia.

Sebaliknya, Malaysia mengakui pengaruh China yang semakin berkembang dan menekankan komitmen Malaysia untuk mengekalkan hubungan baik Malaysia-China, sambil terus melindungi kedaulatan dan kepentingan negara.

Apa yang menarik ialah Malaysia menerima jemputan daripada Canselor Scholz untuk menyertai Climate Club. Secara asasnya, Malaysia menerima baik jemputan ini kerana ia selari dengan agenda Malaysia khususnya bersangkutan dengan teknologi hijau.

Malaysia juga yakin ini dapat dimanfaatkan dengan pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti yang boleh dimanfaatkan oleh warga Malaysia. Ini akan mengukuhkan profil Malaysia bagi usaha tindakan iklim dan komitmen dalam memenuhi tanggungjawab di bawah Perjanjian Paris.

Ini akan mengukuhkan komitmen untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi, pendidikan (TVET), pendidikan tinggi, perubahan iklim dan tenaga boleh diperbaharui serta sektor perusahaan kecil

sederhana.

Berbalik kepada isu politik ekonomi antara kedua-dua negara, hubungan Malaysia dan Jerman adalah sangat akrab. Ini membolehkan perancangan ekonomi dilakukan dengan

Jerman berharap agar Malaysia segera memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA) bagi mempergiatkan lagi kerjasama ekonomi.

Malaysia juga meminta kerjasama Jerman yang mendominasi Kesatuan Eropah untuk merakamkan keseimbangan Malaysia mengenai impak daripada pelaksanaan Peraturan Penyahhutan Kesatuan Eropah (EUDR) yang menyasarkan komoditi minyak sawit.

Malaysia menghargai kesediaan kerajaan Jerman menjadi negara pengantara dengan Kesatuan Eropah dalam menyampaikan keseimbangan Malaysia serta isu-isu berkaitan dengan MEUFTA serta EUDR. Selain itu, isu penyalahgunaan pendanaan litigasi pihak ketiga (TPLF) diperbincangkan dan Kuala Lumpur meminta agar pihak Jerman dapat menyokong usaha dan inisiatif sedia ada untuk mengawal selia industri pendanaan litigasi.

Hasil lawatan Anwar dilihat berjaya untuk membawa

potensi pelaburan ke Malaysia. Misalnya, Malaysia telah meraih potensi pelaburan baru bernilai RM45.4 billion daripada tujuh syarikat Eropah bagi jangka masa lima hingga 10 tahun. Projek di bawah Syarikat X-Fab, Melexis dan Schott Glass yang diluluskan pada 2023 dengan jumlah pelaburan bernilai RM4.45 billion juga dijangka menjana sebanyak 1,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Malah, Malaysia juga memperoleh tambahan RM1.4 billion daripada Airbus hasil potensi jualan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia ke Jerman dalam sektor aeroangkasa bagi tempoh lima tahun akan datang. Ini adalah sumbangan perbelanjaan import terkumpul Airbus sebanyak RM1.86 billion kepada ekonomi Malaysia, sepanjang tiga tahun lepas.

Jelas terdapat banyak pelaburan berpotensi yang berasaskan Belanja Industri Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) termasuklah semikonduktor, aeroangkasa, kimia, peranti perubatan dan teknologi kaca yang menjadi sektor penting yang menyumbang kepada kemajuan industri dalam negara.

Berdasarkan data German Foreign Office, pihak Jerman juga memberi tumpuan kepada kerjasama pendidikan tinggi di Malaysia. Terdapat lebih 114 perjanjian kerjasama antara universiti Jerman dan Malaysia khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Kerjasama ini telah menyebabkan banyak program ijazah berganda, ijazah dual dan ijazah bersama selain pertukaran pelajar dan staf akademik dilakukan. Malah beberapa institusi Jerman juga aktif mendokong institusi tempatan seperti Goethe Institute dan Konrad-Adenauer-Stiftung.

Secara keseluruhannya, lawatan rasmi sulung Perdana Menteri ke Jerman telah mencapai objektifnya dari aspek mengukuhkan persahabatan yang sedia erat antara kedua-dua negara dan meningkatkan kerjasama perdagangan dan peluang pelaburan untuk Malaysia.

PROFESOR Dr. Mohd Azizzudin Mohd Sani ialah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM).